

# Penyiaran kurang sopan Radio ABC dikutuk hebat

MELBOURNE, Jumaat — "Menghina, buruk, karut, tidak boleh dimaafkan dan memalukan..." demikian reaksi marah terhadap Perbadanan Penyiaran Australia yang mempersendakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melalui siaran radionya.

"Kebanyakan membantah penyiaran itu," kata Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Encik Abdul Rahman Rahim melalui telefon kepada wakil Berita Harian bila dihubungi di pejabatnya di Canberra.

"Kami telah mengemukakan bantahan kepada stesen radio itu dan mendesak Jabatan Hal Ehwal Luar meminta maaf dengan segera," kata Encik Abdul Rahman.

Sejumlah besar pelajar dan rakyat Malaysia yang bekerja di Australia turut melahirkan perasaan marah mereka. "Kami mengutuk sikap wartawan ABC yang terlibat," kata Encik Azizan Haji Abu Saman, Presiden Persatuan Melayu Victoria.

Beliau berkata, siaran itu mungkin tiada salahnya kepada masyarakat Australia, tetapi keterlaluan bagi rakyat Malaysia.

## Dibincang

Encik Azizan, seorang penuntut sarjana di Universiti Monash memanggil mesyuarat persatuannya untuk membincangkan langkah yang akan diambil terhadap siaran ABC.

Seorang lagi ahli persatuan itu berkata, siaran tersebut amat buruk.

"Dengan mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Negara Komanwel di Melbourne hanya beberapa hari lagi, penyiaran itu tidak akan

membantu meningkatkan hubungan antara dua negara," katanya.

Menteri Hal Ehwal Luar Australia, Encik Street juga kurang senang dengan siaran itu. Beliau mengkritik keras rancangan itu sebagai "tidak waras dan perkara sensitif untuk gurauan."

"Ia adalah bodoh dan memalukan bagi Australia dan Malaysia," katanya.

Encik Al Grassby, Pesuruhjaya bagi hubungan masyarakat Australia ialah antara yang pertama membantah. Beliau mensifatkan siaran itu sebagai "perkara yang paling sensitif yang pernah saya dengar".

## Bahan berita

Siaran tersebut ialah bahan warta berita berikutan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir yang beliau tidak akan menghadiri persidangan ketua-ketua negara Komanwel di Melbourne akhir bulan ini.

Kebanyakan rakyat Malaysia terlepas peluang mendengar siaran tersebut, tetapi mereka membacanya dalam akhbar Melbourne Herald, "saya menangis bila membaca laporan akhbar. Mana boleh mereka mempersenda pemimpin sebuah negara merdeka dan berdaulat," katanya.

Konsul Malaysia di Melbourne, Encik Sufian Taimon yang membaca laporan akhbar juga terkejut.

Persatuan Melayu Victoria dan beberapa kumpulan pelajar akan bermesyuarat sedikit hari lagi untuk membantah penyiaran tersebut.

Tidak lama selepas siaran tersebut, jurucakap ABC berkata, "ia adalah jenaka yang buruk".